

## **BAB 2**

### **AMIL DALAM IBADAH ZAKAT**

#### **2.0 Pengenalan**

Zakat merupakan ibadah asas yang berkait langsung dengan pemilikan aset umat Islam. Apabila membincangkan soal zakat, dua persoalan perlu diberi perhatian. Pertama : bagaimana seorang *mukallaf* menyempurnakan ibadah zakatnya. Kedua : sejauhmana komuniti muslim atau negara dapat menyediakan sistem urustadbir zakat yang cekap dan berkesan. Tujuannya adalah untuk mencari keredhaan Allah dan menterjemahkan zakat sebagai penyelesaian masalah ekonomi umat disamping bukti Islam agama yang prihatin terhadap kebajikan penganutnya. Dalam kes zakat, kombinasi kesungguhan individu dan pihak pemerintah khususnya amil memberikan harapan agar ibadah ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

#### **2.1 Konsep Zakat Dalam Islam.**

##### **2.1.1 Pengertian zakat.**

Fuqaha seringkali berbahas dalam mendefinisikan istilah zakat. Bukan kerana zakat ini satu kewajipan yang sukar difahami tetapi untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan tepat bagi zakat apabila diaplikasikan dalam perundangan Islam<sup>1</sup>. Ini kerana kalimah zakat dari segi bahasa kaya dengan pelbagai makna.

---

<sup>1</sup> Abd Aziz Muhammad, (1993) *Zakat & Rural Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing, h.9

Zakat menurut bahasa secara umum bererti ( زاد نما ) tumbuh dan ( زاد ) berkembang.<sup>2</sup> Ibnu Manzur memberikan lagi makna suci ( طهارة ), bersih, berkah ( برکة ).<sup>3</sup> Namun tumbuh dan berkembang lebih serasi untuk diuraikan kerana bagi zakat, pertumbuhan dan perkembangan ini mengandungi dua dimensi. Pertama, pertumbuhan dan pembangunan rohani menerusi ibadah kepada Allah SWT. Kedua, zakat merupakan pembahagian semula penghasilan, yang membawa kepada peningkatan pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi.<sup>4</sup>

Menurut istilah syarak zakat secara umumnya ditakrifkan sebagai mengeluarkan harta tertentu dari kadar yang tertentu yang melebihi *nisab*<sup>5</sup> dan mencukupi tempoh tertentu<sup>6</sup> yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas pemiliknya untuk dikeluarkan dan diserahkan kepada golongan yang berhak.<sup>7</sup> Manfaat harta tersebut bukan lagi milik pemilik asal.<sup>8</sup>

Takrif ini memberikan ciri-ciri asas kewajipan berzakat iaitu: Pelepasan milik harta dibuat atas dasar kewajipan bukan dengan konsep hadiah, *hibah* ( pemberian)

---

<sup>2</sup> Antoan Nu'mah *et al* (2000), *Al-Munjid fi al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah*, c.2, Beirut: Dar al-Mashriq, h. 616. Fayruzzabadi, Majid al-Din Muhammad bin Ya'qub (t.t), *Qamus al-Muhit*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 1667.

<sup>3</sup> Ibnu Manzur , Abi Fadl Hanbal al-Din Muhammad bin Makran Ibnu Manzur al-Afriqi al-Misri,(t.t), *Lisan al-'Arab*, j.4, Beirut: Dar al-Bayrut, h. 358.

<sup>4</sup> A Survey of Institution of Zakah : Issues, Theories and Administration (t.p), (t.t), Kuwait: Islamic Development Bank, h. 13.

<sup>5</sup> Kuantiti minimum keseluruhan suatu jenis harta itu yang layak dizakat.

<sup>6</sup> Tempoh matang bagi sesetengah jenis harta yang dipanggil *hawl*.

<sup>7</sup> Al-Bahuti, Mansur Ibn Yunus Ibn Idris( 1982), *Kashshaf al-Qina'* 'An Matn al- Iqna', j.2, Beirut: Dar al-Fikr, h. 166.

<sup>8</sup> Sa'di Abu Habib (t.t), *Qamus al-Fiqhi, Lughat wa Istilah*, Karachi: Idaratul Qur'an,h.159.

atau sedekah<sup>9</sup>. Penyerahan harta itu ditentukan jenis dan kadarnya oleh syara' dan penafsiran fuqaha', perbezaan syarat digunakan untuk menentukan jenis zakat, jenis harta dan cara mengeluarkannya, seperti contoh perbezaan *nisab* minimum.<sup>10</sup>

Zakat juga boleh ditakrifkan sebagai kadar kutipan tertentu yang diwajibkan ke atas harta dan hasil pendapatan di peringkat paling minima mengikut peraturan dan syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada orang tertentu, bertujuan untuk menjamin biaya masyarakat di peringkat asas yang sekurang-kurangnya dapat mengurangkan jurang pendapatan yang tidak seimbang bagi mencapai satu tingkat hidup yang lebih baik mengikut paras nisab.<sup>11</sup>

### **2.1.2 Pembahagian zakat**

Zakat terbahagi kepada dua: Pertama zakat fitrah, kedua zakat harta. Zakat fitrah ialah zakat yang diwajibkan pada tiap-tiap akhir tahun bulan Ramadhan menjelang Hari Raya '*Eid al-Fitr*', yang diambil daripada makanan tertentu untuk diberikan kepada orang yang berhak menerimanya mengikut peraturan tertentu. Kadar makanan tersebut adalah sebanyak 1 gantang.<sup>12</sup> Menurut mazhab Hanafi, zakat

<sup>9</sup> Sedekah difahami sebagai satu bentuk pemberian yang disunatkan bukan diwajibkan sekalipun ulama; berkhilaf tentang erti *Sadaqah* di dalam al-Qur'an di mana penggunaan sedekah kadangkala merujuk kepada zakat itu sendiri. Sila rujuk Qaradawi *op.cit.*, h. 36.

<sup>10</sup> Abang Mohammad Shibli Abg Mohd Nailie (2000), *Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ummah*, bab 5, h. 221 ,Nik Mustapha Nik Hassan (2000), *Ekonomi Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

<sup>11</sup> Abd Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (2006), *Zakat Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*, Bangi: Penerbitan UKM, h.21

<sup>12</sup> Al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya B. Sharf (1995), *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab lil-Shirazi*, j.6, Kaherah: Dar al- Ehya' Turath al-'Arabi, h. 120.

fitrah boleh dibayar dengan menggunakan matawang<sup>13</sup>. Ibadah ini merupakan ‘ibadat-al-‘abdan yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim dan orang yang dibawah tanggungannya<sup>14</sup>. Berdasarkan hadis Rasulullah SAW dari Ibnu ‘Umar :<sup>15</sup>

Bermaksud : *Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat Fitrah itu segantang daripada tamar, atau segantang gandum ke atas hamba dan orang merdeka, lelaki dan perempuan, kecil dan besar daripada orang Islam, dan diperintahkan untuk menunaikannya sebelum manusia keluar menunaikan sembahyang Hari Raya.*

Hadith ini menerangkan bukan sahaja kadar dan jenis tanaman yang menjadi bayaran zakat fitrah malah ke atas siapa ia diwajibkan. Dengan jelas, Rasulullah SAW berkata, zakat itu wajib ke atas setiap individu, baik lelaki atau wanita, kanak-kanak atau dewasa, tuan mahupun hamba. Malah, tempoh pembayaran diperintahkan dibuat sebelum solat Hari Raya '*Eid al-Fitr*. Dapat difahami, tujuan waktu pembayaran tersebut adalah untuk meringankan kesusahan asnaf terlibat ketika menyambut Hari Raya.

Kedua: Zakat harta. Maksud harta di sini ialah nilai harta yang dapat mengeluarkan pemiliknya daripada batas kefakiran atau kemiskinan dan memasukkanya ke dalam golongan orang kaya. Harta itu hendaklah jadi miliknya

<sup>13</sup> Ini berdasarkan pandangan Al-Kasani yang menjadi pegangan mazhab Hanafi dan kini diterima oleh yang lain ketika pembayaran zakat fitrah kerana lebih praktikal., Sila rujuk : Al-Kasani, Abu Bakr Mas'ud (t.t), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Shara'i'*, j.2, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 969.

<sup>14</sup> Al-Qurtubi, Ibn Rushd (1996), *Bidayat al- Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, j.3, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 130-131.

<sup>15</sup> Al-Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar (1991), *Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhari*, j.3, Beirut: Dar al-Fikr, Kitab Zakat, Bab Sodaqah al-Fitr ala al-I’d wa Ghayra min al-Muslimin, h. 471, no. hadith 1504.

yang kekal, bukan milik sementara, subur atau bersifat produktif,<sup>16</sup> iaitu boleh bertambah dan menguntungkan. Al-Qaradawi menyimpulkan syarat umum sesuatu harta itu wajib dizakat apabila suatu harta itu dimiliki secara sempurna oleh seseorang individu Muslim, boleh berkembang, mencapai nisab, melebihi keperluan asasi, cukup *hawl* dan bebas dari hutang.<sup>17</sup>

Antara harta-harta yang dikenakan zakat ialah hasil tanaman, ternakan, emas dan perak<sup>18</sup> baik galian logam mahupun harta *rikaz* (harta karun peninggalan silam) dan barang-barang perniagaan.<sup>19</sup> Pada zaman ini beberapa lagi bentuk harta telah dikategorikan ke dalam jenis-jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat antaranya *al-mal-al-mustafad*<sup>20</sup>, saham, bon, sijil pelaburan, wang simpanan, simpanan KWSP.<sup>21</sup>

### **2.1.3 Kedudukan Zakat Dalam Islam dan Hukum Perlaksanaannya.**

#### **2.1.3.1 Pensyariatan Zakat**

Walaupun terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh perihal zakat turun di Makkah,<sup>22</sup> *mufassirin* berpendapat pensyariatan zakat bermula di Madinah<sup>23</sup> pada

<sup>16</sup> Al-Kasani (t.t), *op.cit.*, h.930, Hailani Muji Tahir (1987) *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h.7.

<sup>17</sup> Al-Qaradawi (1999), *op.cit.*, h. 127.

<sup>18</sup> Al-Jauzi, Ibn Qayyim , Shamsuddin Abi 'Abdullah Muhammad Ibn Bakr al-Zar'ie al-Dimashqi (1998), *Zad al-Ma'ad fi al-Huda Khyra al-'Ibad*, c. 3, j 2, Beirut: Muassasah Risalah, h. 5,6.

<sup>19</sup> Malik, Malik bin Anas (1995), *al-Muwatta'*, j.2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 68. Al-Jaziri, 'Abd Rahman, *Kitab al-Fiqh 'ala Madhahib al-Arbi'ah*. j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 550.

<sup>20</sup> Zakat dari apa-apa bentuk pendapatan bukan hasil perniagaan, honorarium, elauan, gaji, bonus, isentif, gratuiti dan lain-lain. Sila rujuk Husayn Husayn Shahatah (1990), *Muhasabah al-Zakat*, Maktabah al-A'lam, Kaherah, h. 257.

<sup>21</sup> Mujaini Tarimin (2005), *op.cit.*, h. 115, Mahmood Zuhdi (2003), *op.cit.*, h. 117.

<sup>22</sup> Al-Ma'arif, ayat 25, al-Isra', ayat 26.

tahun ke-2 Hijrah. Bersandarkan kepada fakta bahawa ayat yang membawa maksud perintah, gesaan dan perlaksanaan zakat yang jelas merupakan ayat Madaniyyah.<sup>24</sup>. Adapun ayat-ayat zakat di Makkah sekadar memberitahu zakat itu secara mutlak. Zakat di Makkah ketika ini tidak ditentukan had dan kadarnya tetapi diserahkan kepada keimanan, kemurahan hati dan rasa tanggungjawab seseorang terhadap orang lain.<sup>25</sup> Antara dalil pensyariatan zakat :

فَإِذَا أَنْسَلْخَ الْأَشْهُرُ الْحُوْرُمُ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ  
 وَجَدُّتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَاحْصُرُوهُمْ وَاقْعُدُوهُمْ كُلَّ  
 مَرْصَدٍ فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الْزَكُوْةَ  
 فَخَلُوْا سِيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

*Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan Yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga keponglah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*<sup>26</sup> (At-Taubah 9:5)

Ayat tersebut merupakan dalil ayat *qital* yang memerintahkan agar umat memerangi kaum musyrikin sehingga mereka menyerah diri. Solat mencerminkan hubungan keagamaan dalam diri, Berzakat pula menjadi dalil kepada penghormatan dan pengiktirafan sistem kewangan masyarakat Islam (*nizam al-mal al-ijtimaie*).

<sup>23</sup> Ibn Kathir, Imaduddin Abi Fida' Isma'il bin Kathir (1988), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, c.2, j.3.Damsyiq : Maktabah Dar al-Fayha', h. 238-239.

<sup>24</sup> Al-Qaradawi(1999), *op. cit.*, h. 60.

<sup>25</sup> Mohammad Uda Kassim (2005), *Zakat Teori, Kutipan dan Agihan*, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, h. 47.

<sup>26</sup> At-Taubah 9 :12. Terjemahan berdasarkan *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, Abdullah Basmeh (1998), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur: Darul Fikr.

Maka, kewajipan solat dan zakat menjadi bukti keislaman apabila kaum musyrikin itu bertaubat dan menyerah diri kepada umat Islam.<sup>27</sup>

## Dalil daripada Sunnah :

Bermaksud: *Daripada Abdullah bin Umar berkata, Berkata Rasulullah s.a.w, Islam dibina atas lima: Bersyahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan Haji ke Baitullah bagi sesiapa yang mampu mengunjunginya.*<sup>28</sup>

Berdasarkan hadith ini Rasulullah SAW telah mengisyaratkan bahawa zakat mempunyai kedudukan yang utama dan asas dalam agama Islam setara dengan kedudukan mengucap dua Kalimah Syahadah, solat, puasa dan haji. Rukun Islam terbina daripada lima asas tersebut. Maka kewajipan berzakat mesti difahami dan dilaksanakan dengan sempurna. Pengabaian kepada kewajipan berzakat merupakan satu kesalahan yang sangat serius dan mencabar agama Islam itu sendiri.

### **2.1.3.2 Hukum Membayar Zakat**

<sup>27</sup> Zuhayli, Wahbah (1998), *Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shariah wa al-Manhaj*, j.9 Damsyik: Dar al-Fikr, h. 109.

<sup>28</sup> Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya B. Sharf (1994), *al-Minhaj fi- Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj, Bab Bayan Arkan al-Islam*, j.3, h. 103, hadith no.16.

Zakat merupakan kewajipan yang tidak pernah dipersoalkan. Zakat mesti ditunaikan dengan sempurna dan dengan penuh rasa keimanan. Mengabaikan tanggungjawab membayar zakat dengan sebab kedekut, bakhil, lalai atau sengaja tanpa sebab adalah haram dan berdosa.<sup>29</sup>

Seorang *mukallaf* itu dimaafkan sekiranya tidak membayar zakat disebabkan kejahilannya terhadap hukum berzakat. Namun sekiranya dia membesar di sebuah negara Islam yang majoriti penduduknya mengetahui hal-ehwal zakat biarpun secara umum, maka perbuatan tidak membayar zakat itu boleh dianggap sengaja menafikan perintah Allah dan wajib hukuman murtad dilaksanakan ke atasnya kerana mustahil baginya tidak mengetahui kewajipan berzakat.<sup>30</sup> Manakala mereka yang meninggalkan membayar zakat dengan sebab ingkar terhadap kewajipan berzakat pada asasnya telah kufur dan boleh diperangi.<sup>31</sup>

#### **2.1.4 Objektif Zakat**

Objektif utama setiap ibadat adalah untuk mencapai keredhaan Allah. Setiap ibadat mesti dilakukan dengan jujur, ikhlas dan betul kaedahnya. Demikian juga

---

<sup>29</sup> Al-Jauzi, (1998), *op.cit.*, h. 5, Al-Qaradawi,(1999), *op.cit.*, h.70.

<sup>30</sup> Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Qudamah al-Maqdisi (2004), *al-Mughni*, j.3, Kaherah: Dar al-Hadith, h. 337.

<sup>31</sup> Al-Shawkani, Mohamad 'Ali bin Muhamad (1992), *Naylul Autar min Ahadith Sayyid al-Akhyar Sharh Mustaqa al-Akhbar*, c.4, Beirut: Dar al- Kutub al-'Ilmiyah,h.135.

dengan zakat, sebarang penyelewengan akan menjadi fitnah ke atas ibadah zakat itu sendiri seterusnya membawa kepada kemurkaan Allah.

Apabila melihat zakat dari sudut kerohanian dan kemanusian, kita dapat melihat beberapa lagi objektif. Sebagai contoh, pembentukan peribadi pembayar zakat. Sifat-sifat keji seperti kedekut, pentingkan diri sendiri dan sompong disucikan ketika proses pembayaran zakat. Perlaksanaan ibadah zakat diharapkan dapat menerbitkan rasa syukur terhadap nikmat Allah dan memupuk rasa kasih dan sayang di antara manusia. Baik penerima maupun pemberi zakat.<sup>32</sup>

Penyucian dan pembersihan daripada kecemaran yang tidak disengajakan terhadap harta boleh dilakukan dengan mengeluarkan zakat, tapi ini bukan bermakna menyucikan harta-harta yang diperolehi secara tidak halal. Harta tersebut juga boleh dibersihkan dari hasad dengki golongan fakir. Oleh kerana zakat itu wajib dan bukannya sunat, golongan ini pasti akan dibantu. Ini membuktikan bahawa mereka ini tidak diketepikan oleh agama untuk menjalani kehidupan yang baik sekaligus membentuk satu jaminan sosial di antara dua kelas masyarakat dalam satu umat.<sup>33</sup>

## 2.2 Pengertian Amil

---

<sup>32</sup> Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *op.cit.*, h. 33.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h.39-47.

Kalimah amil ini diambil secara langsung daripada kalimah arab yang bererti pekerja<sup>34</sup>( العامل ) Menurut tatabahasa arab, amil berasal daripada perkataan 'amala ( عمل ) yang bererti kerja maka amil yang merupakan *isim fa'el* membawa makna orang yang bekerja di dalam bidang pekerjaannya atau perusahaannya ( من يعمل في مهنته او صنعته ).<sup>35</sup> Dalam maksud yang lebih khusus amil ialah orang yang mengambil zakat dari pemilik harta/pemeliharanya ( الذي يأخذ الزكاة من أربابها ).<sup>36</sup>

Ibn Qudamah mentakrifkan amil sebagai golongan yang diutus Imam untuk mengambil zakat dari pemiliknya, mengumpulnya, menjaganya dan memindahkan-mindahkannya.<sup>37</sup> Al-Bahuti pula mengatakan bahawa amil itu ialah pengutip, penulis, pembahagi dan pengumpul zakat wakil kepada Imam tetapi bukan Qadhi atau wali.<sup>38</sup>

Menurut al-Qaradawi, amil ialah setiap mereka yang bekerja di bahagian pentadbiran zakat daripada pengutip yang mendapatkan zakat, pengawal yang menjaga dan menyimpan harta zakat, penulis, pengira dan pembahagi zakat kepada asnaf yang layak.<sup>39</sup> Setiap mereka ini mendapat ganjaran daripada harta zakat agar mereka mengambil zakat daripada pemiliknya dan sebagai pemberi ingatan.

### 2.3 Amil di Dalam al-Qur'an dan al-Sunnah

---

<sup>34</sup> Ibrahim Mustafa et al (1985), *Mu'jam al- Wasit*, j.2, Istanbul: Maktabah Islamiyyah, h. 651.

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Ibn Qudamah (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 91, *Bab Zikr Ahli al-Zakat*.

<sup>38</sup> Al-Bahuti (1982), *op.cit.* , j. 2, h. 316.

<sup>39</sup> Al-Qaradawi (1999) *op.cit.*, h. 579.

Sungguh pun secara amnya amil bermaksud pekerja atau orang yang melakukan sesuatu perbuatan, istilah ini tidak digunakan secara meluas melainkan apabila melibatkan hal-ehwal zakat. Baik ketika menyenaraikan penerima zakat, mahupun ketika mengulas pentadbiran zakat. Istilah amil ini diungkap dengan jelas oleh al-Qur'an ketika Allah SWT menerangkan tentang golongan yang berhak menerima zakat dalam firman-Nya:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوْجُهُمْ وَفِي الْرِّقَابِ وَالْغَرِيمَنَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ  
وَأَئِنَّ السَّبِيلَ فِي رِبْكَةٍ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ﴾

Bermaksud : Sesungguhnya sedekah ( zakat ) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya (penguasa yang mengumpulkan zakat)<sup>40</sup>, dan orang-orang muallaf yang dijadikan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang keputusan dalam perjalanan. ( Ketetapan hukum yang demikian itu ialah ) sebagai satu ketetapan yang datangnya dari Allah, dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.


(At-Taubah 9 : 60)

Kalimah amil pada ayat ( والعاملين عليه ) iaitu orang yang bekerja, merujuk kepada individu atau kumpulan yang kerjanya menyempurnakan fardhu kifayah sebagai pemungut, pencatat, penjumlah, pengumpul dan penjaga zakat yang berhak mendapat upah.<sup>41</sup>

<sup>40</sup> Al-Sabuni, Mohammed 'Ali (1997), *Sofwat al-Tafasir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*, c.4, j.1, Madinat al- Nasr, Kaherah: Dar al-Sabuni, h. 505.

<sup>41</sup> Al-Qurtubi, Mohammad Ahmad al-Ansari (t.t), *Jami' al-Ahkam al-Qur'an*, j.8, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 113.

Keprihatinan Rasulullah SAW terhadap kewujudan amil dan pengiktirafan baginda terhadap mereka dapat dilihat menerusi sabda Rasulullah SAW yang membandingkan ganjaran amil yang setara dengan golongan yang berjuang dan berjihad ke jalan Allah dalam hadith :



Bermaksud : *Daripada Rafi' bin Khadij terdengar : Rasulullah s.a.w bersabda : Amil (pegawai zakat yang berkhidmat mengutip dan mengagihkan) sedekah (zakat) dengan hak (adil dan telus) akan mendapat pahala sebanding dengan pahala tentera (mujahid @ ghazi) yang berjuang di jalan Allah sehingga dia kembali ke rumahnya.*<sup>42</sup>

#### **2.4 Syarat dan Etika Amil**

#### **2.4.1. Syarat Amil**

Amil atau golongan yang terlibat dengan pentadbiran zakat perlu memiliki kriteria dan kualiti sebagaimana yang dibincangkan oleh para fuqaha'. Antaranya ; seseorang amil itu seorang Muslim, *mukallaf*, sihat tubuh badan dan berpengetahuan mengenai hal-ehwal zakat.

Ibn Qudamah mensyaratkan amil mesti Muslim yang amanah dan bukan dari saudara mara dan tidak disyaratkan kemerdekaan atau kemiskinannya.<sup>43</sup> Ini kerana

<sup>42</sup> Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asha'ath al-Sijistani (1995), *Sunan Abu Dawud*, j.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah , h. 140.

<sup>43</sup> Ibn Qudamah (2004), *op.cit.*, j. 4 h. 91.

pengurusan zakat adalah sebahagian daripada *wilayah*<sup>44</sup> eksklusif untuk umat Islam.<sup>45</sup>

Firman Allah :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتْخِذُوا بِطَانَةً مِّنْ دُونِكُمْ

Bermaksud : Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil selain kamu menjadi 'orang dalam' ( orang kepercayaan) kamu. ( Ali-Imran 3 : 118)

Syarat ini disepakati oleh *jumhur* fuqaha'. Al-Qaradawi berpendapat syarat Islam ini tidak terpakai ke atas pegawai yang tidak melakukan kerja-kerja asas amil iaitu pemungutan dan pengagihan seperti penjaga stor dan pemandu.<sup>46</sup> Manakala al-Mawardi mempunyai pandangan yang lebih terbuka dengan menyatakan segala tugas-tugas lain yang tidak melibatkan penentuan polisi dan membuat keputusan, dibenarkan kepada bukan Islam.<sup>47</sup>

Syarat seterusnya ialah *mukallaf*. Secara ringkas *mukallaf* ialah cukup umur ('*aqil* ) dan waras fikiran ( *baligh*).<sup>48</sup> Ini menafikan kemungkinan orang gila atau kanak-kanak menjadi amil. '*Aqil* dan *baligh* itu sebahagian daripada wilayah, dan wilayah mensyaratkan amil memiliki kapasiti *mukallaf*.<sup>49</sup> Disyaratkan sedemikian kerana amil memikul tanggungjawab serius dalam pengurusan harta umat Islam.<sup>50</sup>

<sup>44</sup> Iaitu bererti penguasaan, tidak dapat diterima dalam Islam apabila umat diperintah dan dikuasai oleh orang kafir lebih-lebih lagi membabitkan urusan ibadah.

<sup>45</sup> Al-Qaradawi (1999), *op.cit.*, h. 551.

<sup>46</sup> Al-Qaradawi (1999), *op.cit.* Mahmood Zuhdi (2003), *op.cit.*, h. 428.

<sup>47</sup> Al-Mawardi (t.t), *al-Ahkam al-Sultaniyyat wa Wilayat al-Diniyat*, Kaherah: Mustafa Halabi, h. 44.

<sup>48</sup> Al-Qaradawi (1999), *op.cit.*, h. 552.

<sup>49</sup> Al-Bahuti (1982), *op.cit.*, j. 2, h. 316.

<sup>50</sup> Mujaini Tarimin (2005), *op.cit.*, h. 137.

Syarat berikutnya, amil mestilah berpengetahuan mengenai hal-hwal zakat dan memahami selok belok zakat dari segi hukum.<sup>51</sup> Syarat ini terpakai baik kepada amil daripada kategori *Tafwid*,<sup>52</sup> mahupun daripada kategori *Tanfidh*.<sup>53</sup> Kesemua jenis amil ini harus mempunyai ilmu yang mencukupi mengenai zakat.<sup>54</sup> Syarat yang terakhir ialah berkemampuan dari segi fizikal. Ini merupakan syarat umum kepada apa jua jenis amanah dan pekerjaan.<sup>55</sup> Oleh itu, amil mesti memiliki kemampuan fizikal yang disertai dengan ilmu dan kemahiran untuk melakukan kerja.<sup>56</sup>

#### **2.4.2 Etika Amil**

Ada beberapa perilaku atau etika yang perlu dimiliki oleh setiap amil. Perbincangan mengenai etika tertumpu kepada aspek akhlak dan budi pekerti seorang amil. Aspek ini akhirnya diangkat sebagai satu satutu garis panduan umum yang menjadi rujukan ketika menjalankan tugas. Sebagai asas, amil merupakan individu yang memiliki sifat amanah, jujur dan telus dalam perkhidmatan. Fuqaha menetapkan asas kejujuran itu bermula dengan keperibadian seseorang yang adil.<sup>57</sup>

Jika seseorang itu dikenali sebagai orang yang *fasiq*, maka dia telah kehilangan sifat amanah. Bagaimana seorang yang tidak beriltizam terhadap

<sup>51</sup> Al-Nawawi (1995), *op.cit.*, j. 6, h. 168.

<sup>52</sup> Amil kategori pembuat keputusan dan dasar dalam kutipan dan agihan.

<sup>53</sup> Amil kategori pelaksana iaitu yang melakukan kerja berdasarkan arahan dan suruhan.

<sup>54</sup> Al-Bahuti (1982), *op.cit.*, j. 2, h. 317.

<sup>55</sup> Al-Qaradawi (1999), *op.cit.*, h. 552.

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 552.

<sup>57</sup> Al-Nawawi, Muhyi al-Din Abu Zakariya Yahya B. Sharf (2000), *Raudat al-Talibin*, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Kitab al-Zakat, h. 189.

agamanya mampu beriltizam terhadap pemilik harta dan penerima zakat. Orang seperti ini dianggap mengutamakan nafsu sendiri dari kepentingan orang lain.<sup>58</sup> Amil haruslah merupakan individu yang bersopan santun, mesra dan boleh dipercayai. Para amil disarankan agar berdoa kepada Allah dan mengucapkan syukur kepada pembayar zakat supaya mereka mendapat pahala dan keberkatan. Ini selaras dengan firman Allah SWT :

*Bermaksud : Ambillah daripada harta mereka itu menjadi sedekah (zakat), supaya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (akhlik yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan Allah itu Maha mendengar lagi Maha Mengetahui.* (At-Taubah 9: 103)

Imam Shafi'e mengamalkan ritual berdoa kepada setiap pembayar zakat yang membayar zakat kepada mereka dengan doa yang bermaksud "Allah akan memberi pahala zakat yang kamu bayar, ia akan membersihkan hati kamu dan harta kekayaan milik kamu akan mendapat keberkatan".<sup>59</sup>

Amil mesti mengelakkan diri daripada mudah menerima sebarang bentuk hadiah atau saguhati yang boleh membuka ruang kepada perbuatan rasuah.<sup>60</sup> Mereka

<sup>58</sup> Mahmood Zuhdi (2003), *op.cit.*, h. 429.

<sup>59</sup> Nawawi, (1994), *op.cit.*, h.149-150.

<sup>60</sup> Mujaini Tarimin (2006), *Golongan Penerima Zakat : Agihan Dana Secara Lebih Berkesan*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, h. 37.

sama sekali tidak boleh menerima apa-apa bentuk pemberian daripada pembayar zakat kerana ini boleh menjelaskan proses penaksiran dan kutipan. Mereka juga harus bersifat *mubadarah* (berinisiatif) sesuai dengan kehendak firman Allah (خذ من اموالهم (صدقة...الخ<sup>61</sup>, oleh itu amil harus bersikap turun padang memungut zakat dan bukan semata-mata berharap pembayar zakat akan datang kepadanya.<sup>62</sup>

Secara keseluruhannya, perbincangan syarat dan tatalaku amil oleh fuqaha yang bersandarkan kepada kupasan al-Quran dan al-Sunnah mencerminkan keprihatinan Islam dan umatnya terhadap pengurusan zakat yang efektif dan berjaya. Penjelasan mengenai etika amil memberi gambaran yang nyata terhadap bentuk pentadbiran yang telus yang diharapkan oleh Islam.

---

<sup>61</sup> Al-Taubah, ayat 103.

<sup>62</sup> Mujaini Tarimin (2006), *op.cit.*, h. 37.